

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 14/06/2020
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com
Tajuk : Medac rangka pelan transformasi tingkat tadbir urus koperasi

Medac rangka pelan transformasi tingkat tadbir urus koperasi



Datuk Seri Mohammad Mentek (tengah)

14/06/2020 04:26 PM

KUCHING, 14 Jun -- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) sedang merangka pelan transformasi koperasi bagi meningkatkan keberkesanan dan profesionalisme urus tadbir koperasi.

Ketua Setiausahanya Datuk Seri Mohammad Mentek hari ini berkata pelan ini akan memberi penekanan kepada usaha meningkatkan kemampuan koperasi menjana pendapatan dan seterusnya memberi keuntungan serta faedah kebajikan kepada ahli.

"Sesebuah koperasi yang baik harus mempunyai pengurusan yang cekap, amanah serta bijak dalam mempelbagaikan jenis perniagaan untuk menjana pendapatan," kepada pemberita selepas melawat Perkasa Ar-Rahnu, Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad di sini hari ini.

Pelan transformasi ini nanti akan turut melibatkan proses pemutihan koperasi yang tidak aktif, termasuk koperasi yang hanya mengutip yuran daripada ahli tetapi tidak terlibat dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan yang menguntungkan koperasi dan ahli.

"Kita akan mengkaji semula definisi istilah koperasi aktif dan tidak aktif kerana ketika ini koperasi yang hanya terima yuran daripada ahli tetapi tidak menjalankan aktiviti ekonomi masih dikategorikan sebagai aktif," katanya.

Mohammad berkata terdapat sejumlah 14,624 koperasi di seluruh Malaysia yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) termasuk 1,077 di Sarawak.

"Daripada jumlah itu, terdapat 3,200 yang tidak aktif, manakala lebih 1,000 sudah gulung tikar termasuk 125 di Sarawak," katanya.

Sementara itu, beliau turut memuji kejayaan Koperkasa mempelbagaikan perniagaannya termasuk dalam sektor pembangunan hartanah untuk membantu ahlinya membeli rumah. Menurutnya Koperkasa juga telah mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM10.192 juta pada tahun lalu berbanding RM7.380 pada tahun 2018 dan kejayaan ini wajar dicontohi koperasi-koperasi lain di negara ini.

"Dengan berada di kedudukan 16 (koperasi) terbaik daripada 14, 624 koperasi di Malaysia ketika ini, saya yakin Koperkasa akan mencapai sasarannya untuk muncul sebagai 10 koperasi terbaik seluruh Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

-- *BERNAMA*